



**Permodalan Nasional Berhad**

(38218-X)

**Untuk Siaran Segera**

**ASB 2 disenarai ke dalam Skim Pelaburan Ahli KWSP  
Pengeluaran Akaun 1 berkuatkuasa 1 Julai**

**KUALA LUMPUR** – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah mengumumkan bahawa pelaburan ASB 2 menerusi pengeluaran Akaun 1 KWSP akan berkuatkuasa mulai 1 Julai, 2015, tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan bagi Skim Pelaburan Ahli KWSP (SPA KWSP).

“Dengan penyenaian terbaharu ini, terdapat tujuh dana kendalian ASNB kini ditawarkan di bawah SPA KWSP yang menawarkan pilihan kepada pencarum dan pelabur untuk meningkatkan simpanan persaraan mereka,” kata Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Tan Sri Dato’ Sri Hamad Kama Piah bin Che Othman.

Dana-dana yang tersenarai selain ASB 2 ialah Amanah Saham Wawasan 2020, Amanah Saham Didik; Amanah Saham 1Malaysia, Amanah Saham Nasional 2; Amanah Saham Nasional 3 Imbang dan Amanah Saham Gemilang (ASG) dengan tiga tabung dibawahnya iaitu ASG-Pendidikan, ASG-Kesihatan dan ASG-Persaraan.

Mengikut terma dan syarat SPA KWSP, ahli boleh melaburkan simpanan tidak melebihi 20 peratus setiap tiga bulan, daripada jumlah yang melebihi Simpanan Asas dalam Akaun 1 yang telah ditetapkan mengikut umur.

Menurut Tan Sri Hamad lagi, pengeluaran ini juga tertakluk kepada jumlah terkumpul had pelaburan maksimum ASB 2 sebanyak 200,000 unit.

Pengumuman ini adalah selaras dengan inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK 11) sebagaimana yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini di mana pemilikan ekuiti individu Bumiputera akan dipertingkatkan dengan membenarkan pengeluaran Akaun 1 KWSP untuk pembelian unit ASB 2.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
Cik Aminah Haji Mahadi  
Pengurus Kanan  
Jabatan Komunikasi Korporat  
● Tel: 03-2050 5445 ● Faks: 03-2050 5268 ● E-mel: aminah\_hm@pnb.com.my**